05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KONSEP DAN PELAKSANAAN UPAH SIMPAN DALAM SKIM AR-RAHNU DI YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA

ANISAH BINTI NASIB

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (SYARIAH) (MOD PENYELIDIKAN)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti konsep upah menurut perspektif fiqh serta pelaksanaan dan amalan skim ar-Rahnu di Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk menganalisis instrumen penetapan kadar upah simpan ditetapkan dalam skim ar-Rahnu di YaPEIM serta menilai pelaksanaannya sama ada menepati kehendak syariah sepenuhnya atau sebaliknya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunapakai tiga kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Data dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa jumhur ulama membenarkan pengambilan upah dalam sebarang pekerjaan atau perkhidmatan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak termasuklah *ar-rahnu*. Selain itu, kajian mendapati skim ar-Rahnu di YaPEIM menggunakan tiga instrumen utama dalam pelaksanaannya iaitu *ar-rahnu*, *al-qard* dan *al-wadi'ah yad dhamanah*. Manakala pengambilan caj upah simpan yang dikenakan kepada para penggadai adalah berdasarkan prinsip *al-wadi'ah yad dhamanah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengambilan caj upah simpan dalam skim ar-Rahnu di YaPEIM dengan berdasarkan prinsip *al-wadia'ah yad dhamanah* adalah kurang sesuai untuk digunakan. Oleh itu, dua alternatif dicadangkan dalam asas pengambilan upah simpan ini iaitu tuntutan bayaran balik nafkah atau kos perbelanjaan penjagaan barang gadaian dan bayaran caj perkhidmatan pinjaman yang mana kedua-duanya tidak bertentangan dengan prinsip dan hukum-hukum *ar-rahnu*. Kesimpulannya, skim ar-Rahnu yang dilaksanakan di YaPEIM adalah sangat baik dalam membantu membangunkan ekonomi masyarakat di Malaysia dan mendapat sambutan ramai sama ada dalam kalangan masyarakat Islam ataupun bukan Islam kerana caj upahnya yang sangat berpatutan. Implikasi kajian ini ialah pihak terlibat perlu mewujudkan akta khas berkaitan skim ar-Rahnu kerana sehingga kini pelaksanaannya hanya berdasarkan Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE CONCEPT AND IMPLEMENTATION OF CUSTODY FEE IN AR-RAHN SCHEME IN YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA

ABSTRACT

This study aims to identify the concept of fee from the perspective of Fiqh and the implementation and practice of ar-Rahn scheme in Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Apart from that, this study is also purposively to analyze the instrument of custody fee rate determination as exercised by the ar-Rahn scheme in YaPEIM and to evaluate its implementation either according to Shariah compliant or otherwise. This study employs the qualitative method by triangulating three data collection techniques such as the observation, interview and document reviews. Data is analysed by using the descriptive analysis. Finding of the study shows that Islamic scholars unanimously permit the fee charge for any work or services which are not contradicting to the teaching of Islam including *ar-rahn*. Besides, this study finds that ar-Rahn scheme in YaPEIM adopts three main instruments in its implementation namely *ar-rahn*, *al-qard* dan *al-wadi'ah yad dhamanah*. Whereas the chargeable fee charged on pawners is based on the principle of *al-wadi'ah yad dhamanah*. Findings of the study indicate that the charging of custody fee in ar-Rahn scheme at YaPEIM by basing on the principle of *al-wadia'ah yad dhamanah* is inappropriate to be used. Thus, there are two alternatives suggested as the basis of charging this custody fee which are the claim on refund of nafkah or expenditure cost of the pledge custody and service charge on the loan which both are not against the principles and laws of ar-Rahn As a conclusion, ar-Rahn scheme in YaPEIM is very helpful in developing the economy of the people in Malaysia and it receives a lot of participation from both the Muslim and non Muslim communities due to its affordable chargeable fees. Implication of this study is that the authorities involved should enact a special act pertaining to ar-Rahn scheme as it until today is only based on the Guide of Islamic Pawn broking Activities (Ar-Rahn) issued by the Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) or Cooperation Commission of Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
JADUAL TRANSLITERASI	xv
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Soalan Kajian	13
1.5 Matlamat Kajian	14
1.6 Objektif Kajian	15
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Skop Kajian dan Limitasi Kajian	16

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Metodologi Kajian 17

1.10 Sorotan Kajian Lepas 20

1.10.1 Upah 20

1.10.2 Ar-Rahnu 23

1.11 Struktur Kajian 28

BAB 2 KONSEP UPAH (*AL-UJRAH)* MENURUT PERSPEKTIF FIQH

2.1 Pengenalan 30

2.2 Definisi Upah 32

2.2.1 Definisi dari sudut Bahasa 32

2.2.2 Definisi dari sudut Istilah 33

2.3 Hukum dan Dalil Pensyariatan Upah 41

2.3.1 Al-Quran 42

2.3.2 Al-Sunnah 45

2.3.3 Ijmak 49

2.3.4 Qiyas 50

2.4 Hikmah Pengharusan Upah 51

2.5 Rukun dan Syarat Upah 53

2.5.1 Mazhab Hanafi 54

2.5.2 Mazhab Maliki 55

2.5.3 Mazhab Syafi'i 57

2.5.4 Mazhab Hanbali 58

2.6 Jenis Upah 64

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Perkara yang Membatalkan Upah 65

2.8 Isu-isu Berkaitan Upah 68

2.8.1 Situasi yang Mengubah Sifat Amanah kepada Sifat *Daman* 68

2.8.2 Menahan Barang dengan Tujuan Mendapatkan Upah 70

2.9 Kesimpulan 71

BAB 3 KONSEP GADAIAN ISLAM (*AR-RAHNU)* DAN PELAKSANAANNYA DI YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPIEM)

3.1 Pengenalan 74

3.2 Definisi Gadaian 77

3.2.1 Definisi dari sudut Bahasa 77

3.2.2 Definisi dari sudut Istilah 78

3.3 Hukum dan Dalil Pensyariatan Gadaian (*Ar-Rahnu)* 81

3.3.1 Al-Quran 83

3.3.2 Al-Sunnah 84

3.3.3 Ijmak 86

3.4 Hikmah Pensyariatan Gadaian (*Ar-Rahnu)* 87

3.5 Rukun dan Syarat Gadaian (*Ar-Rahnu)* 88

3.5.1 Syarat-syarat penggadai dan pemegang gadai 90

3.5.2 Syarat-syarat barang gadaian 92

3.5.3 Syarat-syarat hutang 95

3.5.4 Syarat-syarat akad (*ijab qabul*) 97

3.6 Latar Belakang YaPEIM 100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Pelaksanaan Skim *Ar-Rahnu* di YaPEIM 103

3.7.1 Latar Belakang Pelaksanaan 103

3.7.2 Objektif 105

3.7.3 Dasar/Asas Skim Ar-Rahnu di YaPEIM 105

3.8 Pendekatan Pelaksanaan Skim *Ar-Rahnu* di YaPEIM 106

3.8.1 Kelayakan 106

3.8.2 Kriteria Barang Gadaian 107

3.8.3 Had dan Margin Pembiayaan 108

3.8.4 Tempoh Gadaian 108

3.9 Kesimpulan 109

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 PELAKSANAAN UPAH SIMPAN DALAM SKIM AR-RAHNU DI YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPIEM)

4.1 Pengenalan 111

4.2 Pendekatan Aktiviti Skim Ar-Rahnu YaPEIM 112

4.3 Prinsip-prinsip Syariah dalam Skim Ar-Rahnu di YaPEIM 114

4.3.1 *Ar-Rahnu* 115

4.3.2 *Al-Qard* 116

4.3.3 *Al-Wadiah Yad Dhamanah* 117

4.4 Konsep *Wadi'ah* 118

4.4.1 Definisi *Wadi'ah* dari Sudut Bahasa 118

4.4.2 Definisi *Wadi'ah* dari Sudut Istilah 119

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Hukum *Wadi'ah* 120

4.4.4 Rukun dan Syarat *Wadi'ah* 123

4.4.5 Jenis *Wadi'ah* 125

4.4.6 Pemilihan Prinsip *Wadi'ah Yad Dhamanah* untuk Pengambilan Caj Upah Simpan dalam Skim Ar-Rahnu 127

4.5 Upah Simpan dalam Skim Ar-Rahnu 128

4.5.1 Kos Pentadbiran Barang Gadaian 129

4.5.2 Pendapat Ulamak tentang Kos Pentadbiran Barang Gadaian 130

4.5.3 Kos Upah Simpan yang dibenarkan 132

4.6 Garis Panduan Pelaksanaan Upah Simpan dalam Skim Ar-Rahnu di YaPEIM 134

4.7 Kaedah Pelaksanaan Upah Simpan dalam Skim Ar-Rahnu di YaPEIM 135

4.8 Perbandingan Kadar Upah Simpan di Antara Skim Ar-Rahnu YaPEIM, Ar-Rahnu Bank Rakyat dan Ar-Rahnu Pos Malaysia 141

4.8.1 Aspek Perbezaan Upah Simpan 143

4.8.2 Contoh Perbandingan Upah Simpan 145

4.8.3 Analisis Kadar Upah Simpan yang disandarkan kepada Nilai Marhun 148

4.8.4 Kelebihan dan Kekurangan Skim Ar-Rahnu di YaPEIM 150

4.9 Perbahasan Asas Pengambilan Upah Simpan dalam Skim Ar-Rahun di YaPEIM 152

4.10 Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 154

4.11 Perbandingan Kadar Upah Simpan dalam Skim Ar-Rahnu di YaPEIM dengan Kadar Faedah atau Caj dalam Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 157

4.12 Kesimpulan 163

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 PENUTUP

5.1 Rumusan 166

5.2 Dapatan Kajian 174

5.2.1 Konsep Al-Ujrah Menurut Perspektif Fiqh 174

5.2.2 Pelaksanaan dan Amalan Skim Ar-Rahnu di YaPEIM 177

5.2.3 Penetapan Kadar Uapah Simpan dalam Skim Ar-Rahnu di YaPEIM 178

5.2.4 Pelaksanaan Upah Simpan dalam Ar-Rahnu di YaPEIM Menepati Syariah atau Sebaliknya 179

5.3 Saranan / Cadangan 180

5.4 Kesimpulan 183

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perbezaan Definisi Upah Mengikut Mazhab	40
2.2	Perbezaan Rukun dan Syarat Upah Mengikut Mazhab	62
3.1	Kandungan Emas yang diterima untuk Gadaian di Ar-Rahnu YaPEIM	107
4.1	Perubahan Kadar Upah Simpan di Ar-Rahnu YaPEIM Mengikut Tahun	136
4.2	Peratusan Kelompok Masyarakat yang Menggunakan Skim Ar-Rahnu di YaPEIM	138
4.3	Contoh Situasi untuk Pengiraan Kadar Upah Simpan di Ar-Rahnu YaPEIM	140
4.4	Perbezaan Skim Ar-Rahnu di antara Institusi YaPEIM, Bank Rakyat dan Pos Malaysia Berhad	144
4.5	Perbezaan Kadar Upah Simpan apabila Nilai Marhun Semakin Tinggi	149
4.6	Perbezaan Akta Pemegang Pajak Gadai 1872 dengan GP25: Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)	159
4.7	Kadar Upah dalam Skim Ar-Rahnu di YaPEIM	162

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

a.s	*'Alaihi as-salam*
ed.	*edition*
etal.	Pengarang bersama
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BNM	Bank Negara Malaysia
BPM	Bank Pertanian Malaysia
ISRA	*Shari'ah Research Academy for Islamic Finance*
h.	Halaman
j.	Jilid
KOJAM	Pajak Gadai Islam Koperasi Jamaiyyah Orang-orang Melayu Perlis Berhad
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KYB	Koperasi YaPEIM Berhad
MGIT	Muassasah Gadaian Islam Terengganu
PGI	Pajak Gadai Islam Yayasan Islam Perlis
r.a	*Radiyallahu 'anh*
SAW	*Sallallahu 'alaihi wassalam*
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SWT	*Subhanahu wa ta'ala*
t.t	Tiada tarikh
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Vol.	*Volume*
YaPIEM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

JADUAL TRANLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	’	سأل	sa’ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damir
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ع	c	عبد	‘abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka’s
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmar
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habata
و	w	وصل	wasala
ي	y	يسار	yasar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
◌َ	a	فَعَلَ	Fa'ala
◌ِ	i	حَسِبَ	hasiba
◌ُ	u	كُتِبَ	kutiba

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا , ى	a	كتب / قضى	katib / qada
ي	i	كريم	karim
و	u	حروف	huruf

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
وْ	aw	قول	qawl
يْ	ay	سيف	sayf
يَ	iyy / i	رجعي	raj'iyy / raj'i
وْ	uww / u	عدو	aduww / 'du

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Pengesahan Soalan Temu Bual daripada Dr. Shamsiah Mohamad, Penyelidik Kanan, ISRA

B Contoh Transaksi Gadaian Emas di Ar-Rahnu YaPEIM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Islam adalah sebuah agama yang komprehensif (*syumul*) dan universal, maka ia bukan sahaja mengatur hubungan antara manusia dengan penciptanya (*al-Rabb*) tetapi juga mengatur hubungan sesama manusia yang lain (muamalat). Justeru, manusia yang hidup dalam kelompok sosial tidak dapat hidup bersendirian, namun memerlukan orang lain dalam kehidupannya. Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai sistem muamalat yang dilaksanakan oleh manusia dalam kehidupan, sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذَلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

(Surah Al-Mulk: Ayat 15)

Maksudnya: *"Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantau dan makanlah daripada rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT dan ingatlah kepada Allah SWT jualah (tempat kembali kamu) di bangkitkan (maka hargailah nikmatnya dan takutlah akan kemurkaannya).*"[1]

Dalam ayat di atas, Allah SWT menyatakan bahawa Dia yang memberikan nikmat atau rezeki kepada umat manusia melalui alam yang dicipta oleh-Nya. Allah SWT juga menyediakan segala benda yang mendatangkan manfaat dan kegunaan kepada manusia seperti tanaman, buah-buahan dan barang-barang. Oleh itu, manusia boleh menikmati segala apa yang telah diberikan oleh Allah SWT di muka bumi ini.[2]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebahagian besar umat Islam terdedah kepada amalan riba sejak beberapa abad yang lalu. Institusi-institusi riba semakin berkembang dan berleluasa dengan penguasaan ekonomi dunia oleh kuasa-kuasa besar yang berfahaman kapitalis. Hal ini menyebabkan masyarakat Islam juga terpaksa berurusan dengan sistem ekonomi konvensional yang

[1] Sheikh Abdullah Basmeih (2007), *Tafsir Ar-Rahman.* Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h.1141.
[2] Shaykh Ahmad Mustafa al-Maraghiy (2001), *Tafsir Al-Maraghiy*. Malaysia: Karya Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, j.15, h.7130

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasaskan riba. Malahan terdapat pendukung fahaman sekularisme yang mengatakan bahawa tanpa riba sesebuah ekonomi itu akan mundur dan jumud. [3]

Kebangkitan semula Islam telah mendorong para ilmuwan Islam supaya berfikir, mengkaji dan mencari jalan untuk menggantikan sistem kehidupan kapitalis dengan sistem yang selari dengan tuntutan agama Islam. Kebangkitan ini juga menggambarkan satu perubahan penting dalam dunia Islam sekarang ke arah suatu usaha untuk keluar daripada kebudayaan yang berlandaskan peradaban barat yang telah berakar umbi dalam masyarakat Islam bagi melahirkan kembali Islam sebagai sistem sosial, kebudayaan dan peradaban yang baru untuk masa hadapan.[4]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Islam mengharuskan gadaian (ar-rahnu) sebagai salah satu metode untuk menyelesaikan masalah kesempitan wang yang dihadapi oleh umatnya. Amalan meminjam wang dengan jaminan dalam bentuk harta (ar-rahnu) adalah satu cara peminjaman wang yang dibenarkan oleh syarak sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَإِن كُنتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا۟ كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ

(Surah Al-Baqarah: Ayat 283)

[3] Mustafa Dakian (2005), *Sistem Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h.105.

[4] Noor Saliza Zainal dan Zulkifli Mohd Yusof (2008), *Perbankan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, h. 5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksudnya: "*Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang).*"[5]

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menegaskan bahawa setiap urusan pinjam-meminjam hendaklah dilakukan secara bertulis dan bersaksi dalam apa keadaan sekalipun. Namun, keadaan itu juga boleh terkecuali apabila berlaku perkara darurat. Dalam keadaan bermusafir, seseorang yang membuat pinjaman hendaklah menyerahkan suatu barang gadaian sebagai cagaran terhadap hutangnya.[6]

Islam mengutamakan dasar keadilan dan mengetepikan aspek-aspek penindasan dan kezaliman dalam semua urusan muamalat yang diharuskan. Dalam sistem ar-rahnu umpamanya, jaminan sosial yang diberikan dapat menjamin kedudukan semua pihak dalam masyarakat sama ada golongan kaya iaitu pihak pemegang gadai atau golongan miskin iaitu pihak penggadai. Semua pihak akan mendapat hak-hak yang telah ditentukan oleh Islam.[7]

Sistem ar-rahnu atau gadaian Islam diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1992 sebagai alternatif kepada sistem gadaian konvensional. Penggunaan sistem gadaian konvensional diharamkan oleh Islam kerana mengamalkan riba dan melakukan

[5] Sheikh Abdullah Basmeih (2007), *op.cit*, h.85.
[6] Salahuddin Abdullah *etal.* (2009), *Tafsir Mubin Juzuk 3*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h.204.
[7] Noor Saliza Zainal dan Zulkifli Mohd Yusof (2008), *op.cit*, h. 5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penindasan terhadap golongan susah dan miskin. Hal ini dapat dilihat melalui pengamalan gadaian konvensional yang membenarkan kedai-kedai pajak gadai mengenakan faedah sebanyak dua peratus sebulan atas pinjaman yang diberikan.[8]

Setelah skim ar-rahnu diperkenalkan di Malaysia, maka masyarakat Islam dapat beralih dari sistem konvensional ke arah sistem Islam yang lebih selamat dan menguntungkan kedua-dua pihak yang berkontrak. Hal ini kerana institusi-institusi gadaian Islam di negara ini hanya mengenakan caj upah simpan barang kepada penggadai kecuali pajak gadai Muassasah Gadaian Islam Terengganu sahaja yang tidak mengenakan apa-apa bayaran atau caj kepada penggadai.[9]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujrah atau upah adalah sebahagian daripada muamalat yang disyariatkan oleh Islam. Asas ini telah wujud dalam masyarakat Arab sejak zaman pra-Islam lagi. Hal ini terbukti daripada sirah Nabi Muhammad SAW yang telah dibesarkan oleh ibu susunya iaitu Halimah al-Sa'diyyah dan baginda juga bekerja mengambil upah memelihara kambing orang Mekah semasa di usia remaja.[10]

Selepas kedatangan Islam *ujrah* atau upah ini telah menjadi satu cabang muamalah yang penting dalam membangunkan kehidupan ekonomi dan sebagai salah

---

[8] Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Pindaan) 1982.
[9] Shamsiah Mohamad (2008), *Upah Simpan Barang dalam Skim Ar-Rahnu: Satu Penilaian Semula.* Jurnal Syariah Fiqh Vol. 5., h.48.
[10] Abdullah 'Alwi Hassan (1997), *Sales and Contracts in Early Islamic Cmmercial Law*. New Delhi: Kitab Bhavan, h.172.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu cara untuk memenuhi keperluan hidup manusia. Selepas itu penggunaannya telah semakin berkembang mengikut perubahan masa, tempat dan juga keadaan hidup sesebuah masyarakat. Sehingga kini, instrumen ini dianggap sebagai suatu jalan untuk mengisi kehendak dan keperluan bukan sahaja bagi golongan miskin, bahkan juga golongan kaya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak zaman jahiliah lagi, amalan gadaian telah wujud dalam masyarakat pada ketika itu. Mengikut amalan masyarakat Arab jahiliah, sesuatu barang yang telah digadai akan menjadi milik pemegang gadai sekiranya penggadai gagal menjelaskan hutang yang ditanggungnya dalam tempoh yang telah ditetapkan.[11] Selepas kedatangan Islam amalan gadaian terus diiktiraf sebagai salah satu cara untuk menguatkan jaminan pembayaran balik hutang yang dipinjam oleh pihak penggadai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semasa hayat Rasulullah SAW, baginda pernah menggadaikan baju besinya sebagai jaminan hutang yang dibuat olehnya dan sekali gus menunjukkan bahawa perjanjian gadaian sudah diajarkan dalam Islam. Sebagaimana dalam hadis berikut:

[11] Jawad ‘Ali (1971), *Al-Mufassal fi Tarikh Al-‘Arab Qabl Al-Islam.* Beirut: Dar al-Qalam li al-Malayin, c.1, j.5, h.622.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

عن عائشة رضي الله عنها: أن النبي اشترى من يهودي طعاما إلى أجل ورهنه درعه من حديد

Maksudnya: "*Daripada Aisyah r.a, katanya: Bahawa Rasulullah SAW telah membeli makanan daripada orang Yahudi secara hutang dan baginda telah menggadai baju besi kepadanya.*"[12]

Hadis di atas menjelaskan Rasulullah SAW adalah seorang yang zuhud dalam kehidupan dunia. Lazimnya baginda tidak menyimpan makanan untuk beberapa hari kepada dirinya dan keluarganya. Dengan itu, adakalanya baginda terpaksa menggadai baju besinya kepada orang Yahudi untuk mendapatkan makanan. Walhal baju besi tersebut sangat berguna kepada baginda untuk berjihad *fi sabilillah* bagi melindungi diri daripada senjata musuh.[13]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, gadaian Islam dibenarkan oleh syarak dan masyarakat Islam dibolehkan bermuamalat dengan orang-orang kafir. Keharusan ini tertakluk selagi mana barang muamalat tersebut tidak haram di sisi syarak. Namun, hadis ini tidak mengharuskan penjualan senjata kepada orang kafir kerana boleh memberikan kesan buruk kepada masyarakat Islam. Kontrak gadaian dan kontrak jual beli juga adalah akad yang berasingan.[14]

---

[12] Al-Bukhari (1981), *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr. J.3, h.115. Lihat juga Ibn Hanbal (1978), *Musnad al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, c.2, j.6, h.230.

[13] *Ibid*; Syaikh Abdullah Ibn Abdurrahman Al-Bassam (1992), *Taisir Al-Alam Syarh Umdah Al-Ahkam*, c.vii. Jedaah: Maktabah As-Sawady Li al-Tauzi', h.660-661.

[14] *Ibid.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun Islam telah merubah konsep sistem gadaian selaras dengan objektif syariah Islam. Pelaksanaannya adalah melalui pengharaman barang gadaian itu sebagai milik pihak pemegang gadai apabila penggadai gagal membayar hutangnya. Dalam soal ini, Islam menetapkan supaya barang tersebut dijual dan wang diperoleh digunakan untuk menjelaskan hutang tersebut. Sekiranya wang tersebut melebihi nilai hutang, maka lebihan itu mestilah dikembalikan kepada penggadai.[15]

Pada zaman penguasaan kapitalis di seluruh dunia, ekonomi banyak dipengaruhi oleh sistem barat dan termasuklah di Malaysia seperti sistem gadaian konvensional diguna pakai dalam bidang ekonomi. Masyarakat sedia maklum bahawa sistem gadaian konvensional mengamalkan riba dan penindasan terhadap masyarakat dengan mengenakan caj yang tinggi kepada pihak penggadai. Hukum riba adalah diharamkan sama sekali[16] sebagaimana firman Allah SWT:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

(Surah Al-Baqarah: Ayat 275)

Maksudnya: *"….dan Allah SWT menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba…."*[17]

[15] Mohd Sharif Baharudin (2002), *Skim Ar-Rahnu: Ke arah Pengukuhan Kerjasama Serantau*. Kuala Lumpur: Konvensyen Pajak Gadai Islam (Al-Rahnu) Serantau, 27-28 Oktober 2002, h.2.
[16] Mustafa Dakian (2005), *op.cit.*, h.105.
[17] Sheikh Abdullah Basmeih (2007), *op.cit.*, h.82.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi